

Bau busuk, kepulan asap mengganggu penduduk

Sampah dibuang secara haram ancam ekosistem hidupan akuatik



Keadaan sampah yang dibuang secara haram punca bau busuk selain mengancam ekosistem hidupan akuatik.

SEMENTA - Bau busuk dan kepulan asap dari tempat pembuangan sampah haram berhampiran Jeti Nelayan Kampung Batu 4, di sini menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan penduduk tempatan.

Bau busuk tersebut bukan hanya mengganggu ketenteraman awam malah turut mengganggu ekosistem hidupan akuatik dalam sungai berdekatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Dr Daroyah Alwi berkata, perbuatan itu jelas satu tindakan tidak bertanggungjawab.

"Sikap tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri ini telah mendatangkan masalah dan ke-

“ Kita terpaksa ambil sampel kualiti paras pencemaran untuk dibawa pulang bagi mengkaji sama ada ia melibatkan sisa toksin atau sebaliknya.” - Daroyah Alwi

susahan kepada ramai orang.

"Lebih-lebih lagi kepada mereka yang tinggal berhampiran dengan lokasi tapak pembakaran haram ini," katanya ketika membuat lawatan ke lokasi berkenaan.

Hadir sama, pasukan Pantas dari Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Alam Sekitar.

Menurutnya, tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu turut merosakkan ekosistem setempat khususnya di kawasan tapak pembakaran.

"Malah, turut menjejaskan pendapatan nelayan yang menjadikan hasil laut sebagai sumber utama.

"Oleh itu, kita terpaksa ambil sampel kualiti paras pencemaran untuk dibawa pulang bagi mengkaji sama ada ia melibatkan sisa toksin atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, selain pemantauan berterusan, diharap tindakan sewajarnya dapat dikenakan segera kepada pesalah supaya kejadian sebegini tidak terus berulang.